



مجلس بندارایا اسکندر فوتری
MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI
81300 SKUDAI, JOHOR BAHRU,
JOHOR

PEJABAT AM : 07-5555000
DATUK BANDAR : 07-5546324
SETIAUSAHA : 07-5555161
FAKS : 07-5568007
FAKS DATUK BANDAR : 07-5546323
ADUAN AWAM : 07-5582009

No. Tender : MBIP/TP/01/2021

22072021

**SURAT SETUJU TERIMA
(BAGI TENDER KERJA)**

Untuk Perolehan Dengan Syarikat Yang Berdaftar Di Bawah JKDM Bagi Kerja Lain Yang Dikenakan Cukai
Di Bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018

Rujukan Kami : () dlm.MBIP/TP/01/2021

Tarikh : 18 JUL 2021

TMR URUSHARTA (M) SDN BHD

Lot 10.3, Level 10 Wisma Chase Perdana
Jalan Semantan, Damansara Heights,
1490, Kuala Lumpur

Tuan,

Tender Untuk : PENGURUSAN FASILITI DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN PEJABAT MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI DI ATAS PTD 204080, BANDAR MEDINI ISKANDAR, JOHOR UNTUK TEMPOH TEMPOH 24 BULAN

No. Tender : MBIP/TP/01/2021

Dengan ini dimaklumkan bahawa Majlis telah bersetuju menerima tawaran tender syarikat tuan dengan harga sebanyak Ringgit : **TIGA JUTA SATU RATUS TIGA RIBU ENAM RATUS LAPAN PULUH SAHAJA (RM3,103,680.00)** yang merupakan harga kontrak bagi tempoh kontrak selama **24 BULAN**, tertakluk kepada dokumen tender yang menjadi sebahagian daripada perolehan ini dan Surat Setuju Terima ini berserta dengan **Lampiran A** kepada Surat Setuju Terima iaitu maklumat terperinci kontrak (selepas ini disebut sebagai "Surat ini").

Dengan pengakuan penerimaan Surat ini, berserta lampiran berkaitan, suatu kontrak yang mengikat terbentuk antara Majlis dengan syarikat tuan. Satu dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dalam kadar segera dengan memasukkan semua terma sebagaimana dokumen tender serta semua terma dalam Lampiran A. Sehingga dokumen kontrak tersebut ditandatangani, Surat ini hendaklah terus mengikat kedua-dua pihak.

3. Harga kontrak ini adalah termasuk peruntukan Majlis sebanyak 6% Cukai Jualan memandangkan kerja ini dikenakan cukai dan syarikat tuan berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Pembayaran cukai perkhidmatan ini adalah dikira berdasarkan tuntutan sebenar dan tarikh kuat kuasa pendaftaran syarikat tuan dengan JKDM.

DATO' HAJI MOHD HAFIZ BIN HAJI AHMAD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

Tandatangan & Cap (Majlis) :

Tandatangan & Cap (Syarikat) :

Pejabat Cawangan Taman Perling : 07-2381513

UTC Galleria @ Kotaraya : 07-2216787

Pejabat Hutan Bandar MBIP : 07-6841889

Laman Web : www.mbip.gov.my



Sila nyatakan rujukan surat kami apabila menjawab



MS ISO 9001 : 2008
NO. PENDAFTARAN AR 3627

No. Tender : MBIP/TP/01/2021


4. Pelarasan harga dan kadar harga dalam *Jadual Kadar Harga dan/atau Ringkasan Tender atau Senarai Kuantiti, mengikut yang mana berkenaan setelah diteliti dan diselaraskan oleh Majlis tentang kemunasabahannya, yang mana akan menjadi sebahagian daripada terma-terma kontrak. Walau bagaimanapun, Jumlah Harga Kontrak seperti di atas adalah kekal tidak berubah.

5. Tarikh milik tapak seperti disebutkan dalam Syarat-syarat Kontrak adalah seperti di **Lampiran A**. Walaubagaimanapun, tuan adalah diingatkan bahawa tiada kerja boleh dibuat melainkan jika syarikat tuan telah mengemukakan kepada Majlis dokumen-dokumen berikut :

- *(a) suatu bon pelaksanaan yang tidak boleh dibatalkan yang berjumlah Ringgit **SATU RATUS LIMA PULUH LIMA RIBU SATU RATUS LAPAN PULUH EMPAT SAHAJA (RM155,184.00)** dan jikalau Bon Pelaksanaan gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, Majlis berhak untuk melaksanakan keadah Wang Jaminan Pelaksanaan;
- *(b) suatu polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) nilai insurans tidak kurang daripada Ringgit **DUA RATUS RIBU SAHAJA (RM200,000.00)**;
- *(c) suatu polisi Insurans Kerja yang berjumlah Ringgit : **TIGA JUTA SATU RATUS TIGA RIBU ENAM RATUS LAPAN PULUH SAHAJA (RM3,103,680.00)**;
- *(d) nombor Kod Majikan di bawah Skim PERKESO dan/atau Polisi Pampasan Pekerja,

Mengikut ketetapan seperti di **Lampiran A**. Walau bagaimanapun, bagi memulakan kerja-kerja dan bukan maksud lain, tuan boleh menyerahkan Nota-nota Liputan bagi maksud polisi-polisi insurans tersebut dan resit-resit premium yang telah dibayar itu kepada Pegawai Penguasa. Tuan dikehendaki meyerahkan Polisi-polisi Insurans yang berkenaan (jika belum diserahkan) menurut perenggan 5 di atas, dalam tempoh tidak lewat 30 hari daripada tarikh penyerahan Nota-nota Liputan. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Majlis tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggungjawab terhadap syarikat tuan **melainkan jika** penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi kerja yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

6. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh Majlis, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan kerja dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti kerja tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Majlis. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan kerja dalam tempoh yang ditetapkan, Majlis berhak membatalkan arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Denda/Tolakan/Liquidated & Ascertained Damages (LAD) seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran A**.

Tandatangan & Cap (Majlis) :  

Tandatangan & Cap (Syarikat) :  



No. Tender : MBIP/TP/01/2021

7. ~~Syarikat tuan juga adalah dikehendaki melaksanakan program Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) seperti yang ditetapkan oleh Majlis berdasarkan harga kontrak dengan bilangan minimum peserta PROTÉGÉ sebanyakorang tanpa sebarang kos kepada Majlis. Bilangan minimum peserta yang diperlukan hendaklah dikira berdasarkan formula di bawah:~~

$$\frac{1\% \times \text{Harga Kontrak}}{\text{RM24,000.00}^*}$$

~~*Bagi tujuan pengiraan PROTÉGÉ, Harga Kontrak adalah nilai tawaran yang dipersetujui tanpa cukai. Syarikat tuan juga adalah digalakan melaksanakan program Professional Training And Education For Growing entrepreneurs (PROTÉGÉ) seperti yang ditetapkan oleh Majlis.~~

8. ~~Bagi tujuan program PROTÉGÉ ini, syarikat tuan adalah dikehendaki untuk:~~

- ~~(a) Mengemukakan Jadual Pelaksanaan Program PROTÉGÉ berdasarkan tempoh kontrak kepada Sekretariat PROTÉGÉ untuk kelulusan dalam tempoh du (2) minggu selepas tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan;~~
- ~~(b) melaksanakan program ini mengikut Jadual Pelaksanaan Program PROTÉGÉ yang diluluskan oleh Sekretariat PROTÉGÉ;~~
- ~~(c) mengemaskini maklumat berkaitan pengalaman syarikat melaksanakan program PROTÉGÉ dalam sistem ePerolehan di Kementerian Kewangan atau sistem di Lembaga Pembangunan IndustriPembinaan Malaysia (CIDB), mengikut mana yang berkaitan;~~
- ~~(d) mengemukakan sijil atau surat pengesahan oleh Sekretariat PROTÉGÉ kepada Agensi sebaik sahaja pelaksanaan program PROTÉGÉ selesai; dan~~
- ~~(e) mengemukakan laporan berkaitan pelaksanaan program PROTÉGÉ kepada Sekretariat PROTÉGÉ.~~

9. ~~Sekiranya syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 7 dan 8 atau arahan oleh Majlis, Majlis berhak untuk tidak mempertimbangkan sebarang tawaran kontrak baharu atau pelanjutan kontrak pada masa hadapan kepada syarikat tuan.~~

Tandatangan & Cap (Majlis)

:
DATO' HAJI MOHD HAFIZ BIN HAJI AHMAD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA KANDAR, PUTERI

Tandatangan & Cap (Syarikat)

:
T.M. URUSKARTA (M) SDN BHD
417394-T

[Handwritten signature]

No. Tender : MBIP/TP/01/2021

10. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa Majlis berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 5 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
- (c) syarikat tuan gagal mematuhi kerja dalam tempoh 2 minggu dari Tarikh milik tapak;
- (d) syarikat tuan telah membuat salah nyataan (misrepresentation) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Majlis bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (e) syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (f) syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- (g) syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan Majlis terlebih dahulu. Sekiranya Kerajaan meluluskan permohonan syarikat tuan untuk memberikan subkontrak sebahagian kerja atau keseluruhan kerja, kelulusan tersebut adalah tertakluk kepada syarikat tuan mengikut perjanjian hak (Deeds of Assignment) dengan subkontrak terlebih dahulu;
- (h) syarikat tuan gagal menyempurnakan kerja dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**;
- (i) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen tender;
- (j) syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (k) syarikat tuan digulungkan;
- (l) syarikat tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;

Tandatangan & Cap (Majlis)

: DATO' HAJI MOHD HAFIZ BIN HAJI AHMAD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA KANDAR, PUTERI

Tandatangan & Cap (Syarikat)

:




No. Tender : MBIP/TP/01/2021

(m) kontraktor gagal/mungkir dalam melaksanakan tanggungjawabnya seperti mana ditetapkan dalam Syarat-syarat kontrak;

(n) syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada Majlis terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuatkuasa; atau

(o) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan Negara.

11. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 10, Majlis tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

12. Bersama-sama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dan Surat Akuan Sumpah Syarikat seperti di **Lampiran B** dan **Lampiran C** untuk ditandatangani oleh syarikat tuan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini.

13. Syarikat tuan juga adalah dikehendaki untuk mengemukakan dokumen berikut bersama-sama dengan Surat ini yang telah ditandatangani balas oleh tuan, untuk kelulusan Pegawai Penguasa sebelum memulakan kerja di tapak bina:

(a) Senarai nama subkontraktor beserta pengalamannya dengan menyatakan bahagian kerja yang terlibat; dan

(b) Program Kerja bagi pelaksanaan projek ini.

14. Berdasarkan kepada Tempoh Siap Kerja yang ditenderkan selama **24 hari/minggu/bulan***, Tarikh Siap untuk seluruh kerja-kerja di bawah kontrak ini adalah seperti di **Lampiran A**.

15. Surat ini dihantar kepada syarikat tuan dalam tiga (3) salinan. Sila kembalikan salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat tuan dan saksi syarikat tuan ke **JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA** tidak melebihi **14 hari** dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Majlis tidaklah dengan apa-apa jua bertanggungjawab terhadap syarikat tuan.

Tandatangan & Cap (Majlis)

: DATO' HAJI MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

Tandatangan & Cap (Syarikat)

:




No. Tender : MBIP/TP/01/2021

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD)

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

HHMK/MA

Tandatangan & Cap (Majlis)

:
DATO' HAJI MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

Tandatangan & Cap (Syarikat)


:
T.M. RUSHARTA (M) SDN BHD
417394-T



No. Tender : MBIP/TP/01/2021


PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah C. 2 dlm. MBIP/TP/01/2021 bertarikh 18 Julai 2021 tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah pun disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung dalam dokumen *sebut harga/tender dan Surat ini telah dikenakan.


Nama penuh : SHAMSUL MOHD SALLEH
No. Kad Pengenalan : 660622 - 71 - 5005
Alamat :
Tarikh : 28/07/2021

TMR URUSHARTA (M) SDN BHD
(417394-T)
(A Member of Damansara Realty Berhad Group of Companies)
Suite 6.1A, Level 6,
Wisma Chase Perdana,
Jalan Semantan, 50490 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2081 2692 Fax: 03-2081 2691


Meterai atau Cap Syarikat


Nama penuh : LUNA TAIB
No. Kad pengenalan : 700103 - 01 - 5166
Alamat :
Tarikh : 28/07/2021

TMR URUSHARTA (M) SDN BHD
(417394-T)
(A Member of Damansara Realty Berhad Group of Companies)
Suite 6.1A, Level 6,
Wisma Chase Perdana,
Jalan Semantan, 50490 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2081 2692 Fax: 03-2081 2691

*potong mana yang tidak berkenaan

Tandatangan & Cap (Majlis) :


DATO HAJJ MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD
MAJLIS BANDARAYA KAMPUNG BANDAR
MAJLIS BANDARAYA KAMPUNG BANDAR PUTERI

Tandatangan & Cap (Syarikat) :



No. Tender : MBIP/TP/01/2021

Lampiran A

BUTIRAN KONTRAK

Tender Untuk : PENGURUSAN FASILITI DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN PEJABAT MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI DI ATAS PTD 204080, BANDAR MEDINI ISKANDAR, JOHOR UNTUK TEMPOH TEMPOH 24 BULAN

No. Tender : MBIP/TP/01/2021

1. Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)


1.1 No. Pendaftaran : 199701001898 (417394-T)
1.2 Tempoh Sah Laku : 18/01/1997


2. Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Di Bawah Perakuan Pendaftaran Kontraktor

2.1 No. Pendaftaran : 1981111-SL049468
2.2 Tempoh Sah Laku : 24/02/2021-08/03/2022
2.3 Gred : G7
2.4 Kategori : F
2.5 Pengkhususan : F01

3. Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Di Bawah Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (jika berdaftar)

3.1 No. Pendaftaran : 1981111-SL049468
3.2 Tempoh Sah Laku : 26/02/2021-08/03/2022
3.3 Gred : G7
3.4 Kategori : F
3.5 Pengkhususan : F01

Tandatangan & Cap (Majlis) :  

Tandatangan & Cap (Syarikat) :  



No. Tender : MBIP/TP/01/2021

4. Pendaftaran dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) (Sijil Bumiputera) (jika berdaftar)

4.1 No Pendaftaran : 1981111-SL049468
4.2 Tempoh Sah Laku : 24/03/2021-08/03/2022
4.3 Gred Kontraktor : G7

5. Pendaftaran dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) (jika berdaftar)

5.1 No Pendaftaran : TIADA
5.2 Tempoh Sah Laku : TIADA
5.3 Gred Kontraktor : TIADA
5.4 Kepala : TIADA
5.5 Sub Kepala : TIADA

6. Pendaftaran dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (UPKJ) (jika berdaftar)

6.1 No Pendaftaran : TIADA
6.2 Tempoh Sah Laku : TIADA
6.3 Gred Kontraktor : TIADA
6.4 Kod Bidang : TIADA

7. Pendaftaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (jika berdaftar)

7.1 No. Pendaftaran : W10-1809-32000168
7.2 Tarikh Kuat Kuasa : 01/09/2018

8. Harga dan Tempoh Kontrak

8.1 Harga Tender (butiran : RM2,928,000.00
Harga seperti di
Lampiran A1)
8.2 Peruntukan CBP : RM175,680.00
(sekiranya berkaitan)
8.3 Harga Kontrak : RM3,103,680.00
8.4 Tempoh Kontrak : 24 BULAN
8.5 Tarikh Milik Tapak : 01 AUG 2021
8.6 Tarikh Siap Kerja : 31 JUL 2023

DATO HAJI MOHD HAFIZ BIN HAJI AHMAD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

Tandatangan & Cap (Majlis) :

Tandatangan & Cap (Syarikat) :



[Handwritten signature]

No. Tender : MBIP/TP/01/2021

9. *Bon Pelaksanaan

- 9.1 Kadar Bon Pelaksanaan : 5%
9.2 Formula Bon : 5% x RM3,103,680.00
Pelaksanaan
9.3 Nilai Bon : RM155,184.00
Pelaksanaan
9.4 Bentuk Bon : Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia berhad; atau
Jaminan Syarikat Kewangan.

Jikalau Bon Pelaksanaan gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak,
Majlis berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan
Pelaksanaan.

- 9.5 Tempoh Sah laku : *Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat
Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) – bagi projek bernilai sehingga
RM10 juta;

10. *Polisi Insurans Kerja

- 10.1 Nilai Polisi : RM3,103,680.00
10.2 Tempoh Perlindungan : Meliputi tempoh kontrak

11. *Polisi Insurans Tanggungan Awam (All Risk)

- 11.1 Nilai Polisi : RM200,000.00
11.2 Tempoh Perlindungan : Meliputi tempoh kontrak

12. *Polisi Insurans Pekerja

- 12.1 Nilai Polisi : RM310,368.00
12.2 Tempoh Perlindungan : Meliputi tempoh kontrak

Tandatangan & Cap (Majlis) :

DATO' HAJI MOHD HAFIZ BIN HAJI AHMAD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SKANDAR PUTERI

Tandatangan & Cap (Syarikat) :



No. Tender : MBIP/TP/01/2021

13. Kenaan *Denda/Tolakan/atau Liquidated & Ascertained Damages (LAD)

(Lewat menyiapkan kerja mengikut jadual yang ditetapkan)

13.1 Formula : $\frac{8\% \times \text{RM}3,103,680.00}{365}$

13.2 Kadar Sehari : RM680.26

14. *Skim Latihan program PROTÉGÉ (jika berkaitan)

9.1 Tertakluk kepada : Ya/tidak

— Pelaksanaan

— Program PROTÉGÉ

9.2 Bilangan minimum : peserta

— Peserta program PROTÉGÉ

Tandatangan & Cap (Majlis) :

Tandatangan & Cap (Syarikat) :

DATO' HAJI MOHD HAFIZ BIN HAJI AHMAD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI



[Handwritten signature]

No. Tender : MBIP/TP/01/2021

Lampiran B

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Tender Untuk : PENGURUSAN FASILITI DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN PEJABAT MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI DI ATAS PTD 204080, BANDAR MEDINI ISKANDAR, JOHOR UNTUK TEMPOH TEMPOH 24 BULAN

No. Tender : MBIP/TP/01/2021

Saya SHAMSUL B. MOHD SALLEH nombor K.P. 660622-71-5005 yang mewakili syarikat TMR URUSHARTA (M) SDN. BHD no pendaftaran (*MOF/CIDB/SSM) 417394-T dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam *sebut harga/tender seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI (nama Kementerian/ agensi) atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan *sebut harga/ tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut di ambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi *sebut harga/tender di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi *sebut harga/tender di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan mengikut peraturan perolehan Majlis yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

(Nama dan No KP) SHAMSUL B. MOHD SALLEH : 660622-71-5005
Cop Syarikat :

Catatan :

- (i) *Potong mana yang tidak berkenaan
- (ii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

Tandatangan & Cap (Majlis) : MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

Tandatangan & Cap (Syarikat) : TMR URUSHARTA (M) SDN. BHD

No. Tender : MBIP/TP/01/2021

Lampiran C

SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT

Saya SHAMSUL B. MOHD SALLEH nombor kad pengenalan 660622-71-5005 yang mewakili syarikat TMR URUSHARTA (M) SDN BHD nombor pendaftaran 417394-T (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa :


- (a) syarikat **TIDAK** membuat salah nyataan (misrepresentation) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Majlis bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (b) syarikat **TIDAK** membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (c) syarikat **TIDAK** terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- (d) syarikat/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah **TIDAK** disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia; dan
- (e) syarikat **TIDAK** digulungkan.

Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan perenggan di atas adalah tidak benar, Majlis berhak menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi projek ini.

Dan saya membuat Surat Akuan Bersumpah ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

perbuat dan dengan
Sebenar-benarnya diakui oleh

SHAMSUL B. MOHD SALLEH
di JALAN BANGSAR, KUALA LUMPUR
pada 28/7/21 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan



Tandatangan

Di hadapan saya

the Spaces
Blk B01-R-15
Level 15, Menara 1
Wisma 15
3 Jalan Bangsar
59200 Kuala Lumpur

Catatan :

- i) *Potong mana yang tidak berkenaan.
- ii) Surat Akuan ini hendaklah ditandatangani oleh penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB.

Tandatangan & Cap (Majlis) : MAJLIS BANDARAYA KANDAR, PUTERI

Tandatangan & Cap (Syarikat) :

